

Perarakan anti TPPA di Kuala Lumpur hari ini
Malaysian Insider
Oct 11 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMB) akan menganjurkan protes di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur hari ini bagi membantah Perjanjian Perdagangan Trans Pasifik (TPPA) dengan perarakan akan bermula dari Masjid Kuala Lumpur City Center (KLCC) selepas solat Jumaat.

Ketua Penyelaras (SAMB) Kebangsaan, Badrul Hisham Shahrin mengumumkan perkara itu dalam ceramah Bantah TPPA di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur malam tadi.

Protes tersebut diadakan sempena lawatan Setiausaha Amerika Syarikat (AS), John Kerry yang menghadiri Persidangan Puncak Keusahawanan Global Ke-4.

Perhimpunan membantah TPPA itu sekali gus dilihat memperlekehkan amaran Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed yang berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang protes semasa kehadiran kali pertama Kerry ke Malaysia.

Badrul Hisham berkata, protes tersebut merupakan sebahagian daripada usaha menghalang kerajaan untuk menandatangani perjanjian TPPA yang disifatkan memperdagangkan negara pada AS.

Antara persoalan yang ditimbulkan pada ceramah itu ialah berhubung kerahsiaan rundingan kandungan TPPA yang enggan didedahkan kerajaan.

Ceramah dihadiri kira-kira 200 orang itu adalah program anjuran bersama kumpulan Bantah TPPA dan SAMB yang antaranya menampilkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Naib Presiden PAS, Datuk Husam Musa; Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad; Ahli Parlimen Batu, Chua Tian Chang; Ahli Parlimen Subang, Sivarasa Rasiah; aktivis Hishamuddin Rais serta aktivis mahasiswa Adam Adli Abdul Halim.

TPPA adalah satu perjanjian perdagangan bebas yang sedang dirundingkan oleh 13 buah negara termasuk Malaysia.

Anwar dalam ucapannya berkata, beliau tidak akan sesekali menyokong perjanjian yang disifatkan sebagai tidak adil kepada negara dan boleh memberikan kesan buruk kepada rakyat.

Katanya, walaupun beliau dan Tun Dr Mahathir Mohamad membantah TPPA, bekas perdana menteri itu mempunyai agenda berbeza.

"Beliau membangkang TPPA kerana tidak mahu AS menguasai negara tetapi beliau senang melihat anak lelakinya memerintah negara sekali gus mengawal ekonomi negara terutama industri benarkan kedaulatan negara terjual, kata Datuk Husam Musa di ceramah anjuran Bantah TPPA malam tadi. Jangan benarkan kedaulatan negara terjual, kata Datuk Husam Musa di ceramah anjuran Bantah TPPA malam tadi. stria gas dan minyak," katanya.

Forum anjuran SAMB dan kumpulan Bantah TPPA itu sepatutnya menampilkan Anwar dan Mahathir atas satu pentas namun bekas perdana menteri tidak menghadirinya.

Sementara itu, Husam turut menyeru semua ahli PAS untuk bersama berarak menyokong protes anti TPPA hari ini.

"Semangat menentang itu adalah perkara yang baik bagi jangka masa panjang dan kita tidak akan sesekali membenarkan kedaulatan negara kita dijual," katanya. – 11 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perarakan-anti-tpa-di-kuala-lumpur-hari-ini>